



IBU PEJABAT

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Fire And Rescue Department of Malaysia

Lebuh Wawasan, Presint 7
62250 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Telefon: 603-8892 7600

Faks: 603-8892 7978

Portal Rasmi: www.bomba.gov.my

Emel: bkkjbpmp@bomba.gov.my

Ruj. Kami : JBPM.IP.BKK.100 – 1/7/2 Jld.2 (34)

Tarikh : 2 Februari 2023

SEPERTI SENARAI EDARAN

YS Dato'/Tuan,

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 7 TAHUN 2023: APLIKASI PRINSIP KEJURUTERAAN KESELAMATAN KEBAKARAN BAGI REKA BENTUK BANGUNAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa, bersama-sama ini disertakan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 4 Tahun 2019 yang bertajuk **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 7 Tahun 2023: Aplikasi Prinsip Kejuruteraan Keselamatan Kebakaran Bagi Reka Bentuk Bangunan**.

3. Arahan ini penting bagi dijadikan garis panduan kepada pegawai – pegawai boma dan pihak *industry players* tentang kaedah dan aplikasi prinsip kejuruteraan keselamatan kebakaran bagi reka bentuk bangunan.

4. Sehubungan dengan itu, semua permohonan untuk mendapat sokongan penggunaan **Aplikasi Prinsip Kejuruteraan Keselamatan Kebakaran Bagi Reka Bentuk Bangunan** yang dikemukakan oleh *Principal Submitting Person* perlulah diproses menurut Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 7 Tahun 2023. Maka, bagi setiap pegawai Bahagian Keselamatan Kebakaran khususnya yang terlibat dalam memproses perakuan pelan dan juga pemeriksaan hendaklah menggunakan perintah tetap ini sebagai rujukan dan juga asas pertimbangan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' SRI TS. MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

s.k.

- i. YAS Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Operasi)
- ii. YAS Timbalan Ketua Pengarah JBPM (Pembangunan)
- iii. YS Pengarah, Bahagian Keselamatan Kebakaran

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO QMS 02101

CERTIFIED TO ISO 37001:2016
CERT. NO ABMS 00216

SENARAI EDARAN

Ibu Pejabat JBPM

YS Pengarah, Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
YS Pengarah, Bahagian Penyiasatan Kebakaran
YS Pengarah, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
YS Pengarah, Bahagian Pembangunan
YS Pengarah, Bahagian Latihan
YS Pengarah, Bahagian Pengurusan Korporat

JBPM Negeri

YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Selangor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri W.P. Kuala Lumpur
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Johor
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pulau Pinang
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kedah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sarawak
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Kelantan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Terengganu
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perlis
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Labuan
YS Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia W.P. Putrajaya

Semua YS Pemerintah Pangkalan Udara JBPM

Semua YS Komandan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

Semua Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran

Semua Ketua Zon

Semua Ketua Balai

TERHAD



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 7 TAHUN 2023

APLIKASI PRINSIP KEJURUTERAAN KESELAMATAN KEBAKARAN BAGI REKA BENTUK BANGUNAN (*APPLICATION OF FIRE SAFETY ENGINEERING PRINCIPLES TO THE DESIGN OF BUILDINGS*)

PENGENALAN

1. Pada asasnya, reka bentuk keselamatan kebakaran di bangunan adalah berdasarkan undang-undang preskriptif iaitu Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL 1984) atau *Building Ordinance* 1994 (Sarawak).
2. Namun begitu, terdapat bangunan yang mempunyai reka bentuk yang kompleks, pembangunan bercampur, projek mega, struktur khas,

TERHAD

berisiko tinggi / berbahaya, dan bangunan yang melangkaui keperluan kod preskriptif. Oleh itu, pendekatan preskriptif tidak dapat memenuhi keperluan bagi reka bentuk keselamatan kebakaran seperti keperluan ruang yang melebihi had pemetakan dan jarak perjalanan.

3. Bagi memenuhi keperluan reka bentuk tersebut prinsip *Fire Safety Engineering Principles to the Design of Buildings* boleh digunakan berdasarkan prestasi ke atas penilaian risiko dan juga kebarangkalian berpotensi serta langkah-langkah yang dicadangkan bagi memastikan objektif keselamatan kebakaran tercapai. Namun begitu, reka bentuk tersebut hendaklah mencapai tahap ditetapkan dan melalui penilaian prestasi (Performance Based Approach) secara kejuruteraan kebakaran.

PUNCA KUASA

4. Perintah Tetap yang terdahulu adalah Arahan Ketua Pengarah Perintah Tetap Pencegah Bilangan 3 Tahun 2003 – Pemakaian Sistem *Performance Based Fire Safety Engineering Design* Bagi Maksud Pengeluaran Surat Sokongan Sijil Menduduki Bangunan dan Sijil Perakuan Bomba untuk Premis Ditetapkan yang telah dikeluarkan pada 8 Mei 2003.

5. Punca kuasa bagi perintah tetap ini adalah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Pindaan), Undang-Undang Kecil Banguan Seragam 1984 dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Bil.1/2020 bertarikh 10 Jun 2020.

TUJUAN

6. Perintah tetap ini adalah bertujuan untuk digunakan bagi setiap reka bentuk cadangan pembangunan atau premis yang mengaplikasikan *Fire Safety Engineering* (FSE) iaitu *Performance Based Approach* (PBA) dan *Fire Safety Design Philosophy* (FSDP).

TAFSIRAN

7. Dalam Perintah Tetap ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain –

“*Continuous Professional Development* (CPD) FSEr” ertinya satu kompetensi kepada FSEr yang berdaftar dengan JBPM seperti kursus, bengkel, dan seminar keselamatan kebakaran. Ianya bertujuan bagi mengekalkan tahap kompetensi dan membangunkan kerjaya mereka dengan pembelajaran sepanjang hayat bagi memastikan FSEr dapat mengaplikasikan kejuruteraan dalam mereka bentuk dan memberikan perkhidmatan secara selamat dan berkesan.

“*Fire Safety Engineer* (FSEr)” ertinya mana-mana orang berkelayakan yang diperaku oleh Ketua Pengarah di Perkara 8 bagi melaksanakan kajian, menganalisis dan mereka bentuk PBA atau FSDP bagi sesuatu cadangan pembangunan;

“*Fire Safety Engineering* (FSE)” adalah kejuruteraan keselamatan kebakaran yang merangkumi kajian PBA atau FSDP;

TERHAD

"*Fire Safety Design Philosophy (FSDP)*" ertinya satu kajian dan analisis terhadap keperluan keselamatan kebakaran bagi sesuatu cadangan pembangunan yang berisiko tinggi / berbahaya seperti loji penapisan petroleum, tangki penyimpanan petroleum, pemprosesan bahan kimia berbahaya, struktur khas dan lain-lain yang ditetapkan oleh JBPM; berdasarkan undang-undang kecil 236 dan Jadual 10 (Kilang Nota:2), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

"*Firma Fire Safety Engineering (Firma FSE)*" ertinya mana-mana firma kejuruteraan keselamatan kebakaran yang berdaftar dengan JBPM bagi menjalankan kajian, menganalisis dan mereka bentuk PBA atau FSDP bagi sesuatu cadangan pembangunan;

"Jawatankuasa Pendaftaran Keselamatan Kebakaran (JPKK)" ertinya Pendaftar bagi FSEr dan Firma FSE yang dilantik di bawah Perkara 35;

"*Panel Kajian Fire Safety Engineering (PKFSE)*" ertinya Panel yang dilantik di bawah Perkara 37 yang menyemak dan menilai pembentangan PBA atau FSDP yang dibuat oleh FSEr dan Firma FSE;

"*Peer Reviewer*" ertinya mana-mana orang berkelayakan yang juga adalah FSEr;

"*Performance Based Approach*" ertinya pendekatan berdasarkan prestasi reka bentuk keselamatan kebakaran yang menggunakan prinsip

keselamatan kebakaran, pengiraan dan model perisian kebakaran untuk memenuhi keperluan kod preskriptif.

“Uniform Building By-Law (UBBL)” ertinya adalah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

FIRE SAFETY ENGINEER (FSEr)

8. FSEr adalah seseorang yang berkelayakan untuk melaksanakan aplikasi prinsip kejuruteraan keselamatan kebakaran bagi reka bentuk suatu pembangunan atau premis. FSEr yang berkelayakan hendaklah diperakukan oleh JBPM.
9. Tugas dan tanggungjawab FSEr adalah seperti berikut:
 - (1) Merancang, menyediakan, melaksanakan penyelesaian alternatif berdasarkan kajian dan menganalisis aplikasi FSE.
 - (2) Membuat kajian, pengiraan dan *modelling* berdasarkan aplikasi FSE.
 - (3) Mengesahkan pelan yang mengaplikasikan FSE dengan cop perakuan yang ditetapkan oleh JBPM.
 - (4) Membuat pra-pemeriksaan dan pengujian pelaksanaan aplikasi FSE serta mengemukakan laporan.
 - (5) Menghadiri pemeriksaan dan pengujian pelaksanaan aplikasi FSE.

TERHAD

- (6) Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas cadangan dan reka bentuk FSE yang dikemukakan.
- (7) FSEr juga boleh menjalankan khidmat sebagai *Peer Reviewer* setelah dilantik.

PERAKUAN FIRE SAFETY ENGINEER

10. Mana-mana orang bolehlah memohon sebagai FSEr. Suatu permohonan hendaklah dikemukakan kepada JBPM dengan menggunakan **Borang FSE 1 – Permohonan Perakuan Fire Safety Engineer** seperti di Lampiran 1.

11. Seorang pemohon untuk mendaftar perakuan FSEr hendaklah memuaskan hati Ketua Pengarah dan mematuhi syarat dan kelayakan seperti berikut:

- (1) Bahawa dia memiliki sekurang-kurangnya kelayakan Ijazah *Fire Safety Engineering* atau kelayakan yang diiktiraf oleh Ketua Pengarah DAN mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman terlibat dalam melaksanakan aplikasi *Fire Safety Engineering* di Malaysia; atau Bekas Pegawai Kanan JBPM yang mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun dalam bidang keselamatan kebakaran dan diperakui oleh Ketua Pengarah JBPM; dan
- (2) Menyertai mana-mana badan professional keselamatan kebakaran yang diiktiraf oleh JBPM; dan

TERHAD

- (3) Berkemahiran menggunakan model *Computational Fluid Dynamics* (CFD) seperti perisian *Fire Dynamic Simulator*, *Pathfinder* dan lain-lain yang dinyatakan dalam permohonan; dan
 - (4) Mempunyai kefahaman yang jelas berkaitan UBBL dan piawaian-piawaian keselamatan kebakaran yang berkaitan; dan
 - (5) Memenuhi syarat-syarat penilaian yang ditetapkan oleh JBPM.
12. Setelah menerima permohonan FSEr, Ketua Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran hendaklah menyemak permohonan dan menyediakan laporan untuk JPKK.
13. JPKK hendaklah bersidang dan menilai setiap permohonan yang diterima dan menemuduga pemohon serta menetapkan syarat-syarat pendaftaran jika perlu.
14. JPKK yang bersidang hendaklah membuat keputusan untuk meluluskan atau menolak perakuan sebagai FSEr. Jika diluluskan, perakuan adalah seperti Borang FSE 2 – Perakuan Sebagai *Fire Safety Engineer* seperti di Lampiran 2. Bagi permohonan yang ditolak, surat pemakluman akan dikeluarkan.
15. Perakuan FSEr adalah sah untuk tempoh dua (2) tahun.
16. Seseorang FSEr hanya dibenarkan berkhidmat dengan satu Firma FSE sahaja pada sesuatu masa.

TERHAD

PEMBAHARUAN PERAKUAN FIRE SAFETY ENGINEER

17. Bagi suatu permohonan pembaharuan perakuan FSEr, pemohonan hendaklah dikemukakan kepada JBPM dengan menggunakan **Borang FSE 3 – Permohonan Pembaharuan Perakuan Fire Safety Engineer** seperti di **Lampiran 3**, sekurang-kurangnya **60 hari sebelum tamat tempoh sah perakuan**.

18. Syarat-syarat pembaharuan adalah:

- (1) Mematuhi keperluan *Continuous Professional Development* (CPD) FSEr yang ditetapkan oleh JBPM; dan
- (2) Aktif menjalankan tugas sebagai FSEr dalam tempoh dua (2) tahun di Malaysia; dan
- (3) Mempunyai prestasi yang baik dalam menjalankan tugas sebagai FSEr; dan
- (4) Melaksanakan tugas dan tanggungjawab FSEr sepenuhnya seperti di Perkara 9.

PEMBATALAN PERAKUAN FIRE SAFETY ENGINEER

19. JPKK boleh, mengikut budi bicaranya untuk membatalkan perakuan pendaftaran bagi seseorang FSEr sekiranya:

- (1) Melanggar etika kerja / profesionalisme; atau
- (2) Gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai FSEr; atau

TERHAD

- (3) Mendapat atau memperolehi pendaftarannya secara menipu atau salah nyata; atau
- (4) Diisyiharkan sebagai bankrap; atau
- (5) Didapati bersalah dengan kesalahan jenayah; atau
- (6) Didapati melanggar mana-mana terma atau syarat pendaftaran.
20. FSEr yang telah dibatalkan perakuan hanya boleh mengemukakan permohonan baru selepas satu tempoh yang ditetapkan oleh JBPM dari tarikh pembatalan perakuan.

CONTINUOUS PROFESSIONAL DEVELOPMENT FSEr

21. FSEr hendaklah menghadiri kursus, latihan, bengkel, atau seminar FSE dan memperolehi sekurang-kurangnya 20 mata CPD FSEr setahun bagi tujuan pembaharuan perakuan.

Bil.	Jenis Aktiviti CPD (Keselamatan Kebakaran)	Faktor Pemberat/Masa	Mata Maksima CPD
1.	Latihan dan Pendidikan (menghadiri kursus, seminar dll. yang diiktiraf JBPM)	2	Tiada had

Jadual 1.0 - Jadual mata CPD FSEr.

Bil.	Jenis Aktiviti CPD (Keselamatan Kebakaran)	Faktor Pemberat/Masa	Mata Maksima CPD
2.	Aktiviti Pembelajaran (menjadi tenaga pengajar/penceramah bagi kursus, seminar dll. yang diiktiraf JBPM)	2	Maksimum 10 mata
3.	Persidangan	1	Tiada had
4.	Pembentangan Kertas Kerja	5	Maksimum 10 mata

Jadual 1.0 - Jadual mata CPD FSEr.**FIRMA FIRE SAFETY ENGINEERING**

22. Firma FSE adalah suatu firma yang menjalankan kajian dan menganalisis aplikasi FSE bagi sesuatu cadangan pembangunan. Ianya hendaklah terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang FSEr dan arkitek atau jurutera profesional berdaftar. Firma FSE hendaklah berdaftar dengan JBPM.

23. Bagi mengaplikasikan prinsip kejuruteraan keselamatan kebakaran bagi reka bentuk bangunan, Firma FSE hendaklah bekerjasama dengan Orang Utama Yang Mengemukakan (Principal Submitting Person – PSP) dan Orang Yang Mengemukakan (Submitting Person – SP).

24. Tugas dan tanggungjawab Firma FSE adalah seperti berikut:
- (1) Menyediakan perkhidmatan kajian dan laporan berkaitan FSE.
 - (2) Memberi konsultansi berkaitan FSE kepada *Principal Submitting Person* (PSP), *Submitting Person* (SP), dan Pemunya Premis.
 - (3) Memastikan kajian dan cadangan yang dikemukakan oleh FSEr memenuhi keperluan yang ditetapkan.
 - (4) Memastikan FSEr untuk hadir semasa pengujian dan pemeriksaan sistem pepasangan keselamatan kebakaran.
 - (5) Bertanggungjawab sepenuhnya bersama FSEr ke atas cadangan dan reka bentuk FSE yang dikemukakan.

PENDAFTARAN FIRMA FIRE SAFETY ENGINEERING

25. Mana-mana firma boleh memohon sebagai Firma FSE. Suatu permohonan hendaklah dikemukakan kepada JBPM dengan menggunakan menggunakan Borang FSE 4 – Permohonan Pendaftaran Firma *Fire Safety Engineering* seperti di Lampiran 4; dan

26. Syarat-syarat pendaftaran Firma FSE adalah seperti berikut:
- (1) Bahawa firma yang memohon hendaklah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia; dan
 - (2) Mempunyai FSEr yang berdaftar dengan JBPM di dalam firma berkenaan; dan
 - (3) Mempunyai arkitek atau jurutera profesional berdaftar; dan

TERHAD

- (4) Mempunyai liabiliti insurans yang bernilai sekurang-kurangnya RM 1,000,000.00; dan
 - (5) Mempunyai kemudahan dan perisian berkaitan kajian FSE.
27. Setelah menerima permohonan Firma FSE, Ketua Cawangan Pendaftaran Keselamatan Kebakaran hendaklah menyemak permohonan dan menyediakan laporan untuk JPKK.
28. JPKK hendaklah bersidang dan menilai setiap permohonan yang diterima dan menetapkan keputusan. Pihak pemohon boleh dipanggil untuk sesi penilaian.
29. JPKK yang bersidang hendaklah membuat keputusan untuk meluluskan atau menolak pendaftaran sebagai Firma FSE dengan menggunakan **Borang FSE 5 – Pendaftaran Sebagai Firma Fire Safety Engineering** seperti di **Lampiran 5**. Bagi permohonan yang ditolak, surat pemakluman akan dikeluarkan.
30. Perakuan Firma FSE adalah sah untuk tempoh dua (2) tahun.
31. Firma FSE hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang FSEr dan FSEr tersebut tidak boleh berkhidmat dengan Firma FSE yang lain dalam sesuatu masa.
32. Sekiranya terdapat keperluan, JPKK boleh menetapkan apa-apa terma dan syarat pendaftaran Firma FSE.

**PEMBAHARUAN PENDAFTARAN FIRMA FIRE SAFETY
ENGINEERING**

33. Bagi suatu permohonan pembaharuan perakuan Firma FSE, pemohonan hendaklah dikemukakan kepada JBPM dengan menggunakan Borang FSE 6 – Permohonan Pembaharuan Pendaftaran Firma *Fire Safety Engineering* seperti di Lampiran 6, sekurang-kurangnya 60 hari sebelum tamat tempoh sah perakuan.

34. JPKK boleh, mengikut budi bicaranya untuk membatalkan pendaftaran bagi Firma FSE sekiranya:

- (1) Melanggar etika kerja / profesionalisme; atau
- (2) Gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Firma FSE; atau
- (3) Mendapat atau memperolehi pendaftarannya secara menipu atau salah nyata; atau
- (4) Diisyiharkan sebagai bankrap; atau
- (5) Didapati bersalah dengan kesalahan jenayah; atau
- (6) FSEr / arkitek atau jurutera professional berdaftar berhenti berkhidmat dari Firma FSE; atau
- (7) Didapati melanggar mana-mana terma atau syarat pendaftaran.

JAWATANKUASA PENDAFTARAN KESELAMATAN KEBAKARAN

35. Satu jawatankuasa hendaklah ditubuhkan dan dinamakan Jawatankuasa Pendaftaran Keselamatan Kebakaran (JPKK). Keahlian JPKK adalah seperti berikut:

- (1) Pengerusi : Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
- (2) Urusetia : Ketua Caw. Pendaftaran Keselamatan Kebakaran
- (3) Keahlian :
 - i. Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan Bangunan; dan
 - ii. Ketua Seksyen Penguatkuasaan Keselamatan Bangunan; dan
 - iii. Ketua-Ketua Cawangan BKK Ibu Pejabat.

36. Tugas dan tanggungjawab JPKK adalah seperti berikut:

- (1) Menetapkan kaedah penilaian permohonan pendaftaran orang berkelayakan dalam keselamatan kebakaran.
- (2) Menilai setiap permohonan pendaftaran FSEr dan Firma FSE yang dikemukakan.
- (3) Membuat keputusan untuk memperakukan atau menolak permohonan baharu atau pembaharuan bagi FSEr dan Firma FSE yang dikemukakan.

- (4) Membuat keputusan ke atas cadangan pembatalan atau penggantungan FSEr dan Firma FSE yang dikemukakan berdasarkan pada syarat-syarat pendaftaran.
- (5) Sekiranya terdapat rayuan berkaitan FSEr atau Firma FSE. Satu jawatankuasa khas boleh ditubuhkan bagi membuat keputusan ke atas mana-mana rayuan berkaitan.

PANEL KAJIAN FIRE SAFETY ENGINEERING

37. Satu panel hendaklah ditubuhkan dan dinamakan Panel Kajian *Fire Safety Engineering* (PKFSE). Keahlian PKFSE adalah seperti berikut:

- (1) Pengerusi : Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran
- (2) Urusetia : Pegawai kanan BKK yang dilantik
- (3) Keahlian :
 - i. Ketua Seksyen Perakuan Keselamatan Bangunan,
 - ii. Ketua Seksyen Penguatkuasaan Keselamatan Bangunan,
 - iii. Ketua-Ketua Cawangan BKK Ibu Pejabat,
 - iv. Pegawai-pegawai Kanan BKK Ibu Pejabat; dan
 - v. Wakil BKK Negeri.

38. Tugas dan tanggungjawab PKFSE adalah seperti berikut:

- (1) Menyemak dan menilai permohonan penggunaan aplikasi FSE.

TERHAD

- (2) Menyemak dan menilai pembentangan Laporan Kajian dan Analisis FSE oleh FSEr.
- (3) Membuat keputusan ke atas penilaian FSE yang disediakan oleh Firma FSE.

APLIKASI PERFORMANCE BASED APPROACH (PBA)

39. Cadangan reka bentuk PBA hendaklah berdasarkan *BS7974: Application of Fire Safety Engineering Principles to the Design of Buildings* sebagai asas rujukan utama dalam pelaksanaan FSE.

40. Aplikasi PBA boleh dilaksanakan bagi cadangan reka bentuk yang melebihi had undang-undang preskriptif yang melibatkan:

- (1) Jarak perjalanan

Pihak JBPM dapat mempertimbangkan sekiranya jarak perjalanan ditambah 50% dari jarak perjalanan yang ditetapkan pada Jadual Ketujuh, UBBL; atau/dan

- (2) Pemetaan

Pihak JBPM dapat mempertimbangkan permohonan aplikasi PBA dengan syarat memenuhi keperluan undang-undang kecil 137 dan 252A; atau/dan

- (3) Pengurusan asap

Pihak JBPM dapat mempertimbangkan permohonan aplikasi PBA tetapi keperluan bagi sistem pengurusan asap

hendaklah mengambilkira By-law 249. Smoke control dan Malaysian Standard MS 1780 – Smoke control system using natural (displacement) or powered (extraction) ventilation.

41. Permohonan aplikasi PBA adalah dibenarkan hanya kepada cadangan pembangunan yang dilindungi dengan sistem semburan automatik (automatic sprinkler system).
42. PKFSE boleh menerima sesuatu Laporan PBA yang telah disediakan oleh Firma FSE dengan mematuhi parameter dan kriteria seperti berikut:

(1) *Fire Size*

(a) Penetapan *fire size* adalah seperti pada Jadual 2.0, ianya berdasarkan kepada *Malaysian Standard MS1780 – Smoke control system using natural (displacement) or powered (extraction) ventilation (First revision) – Table 1. Fire Size*.

Pendudukan (Dengan Sistem Semburan Air Automatik)	Fire Size	
	Heat output (MW)	Perimeter of fire (m)
Kedai	5.0	12

Jadual 2.0 – Penentuan *fire size*.

Pendudukan (Dengan Sistem Semburan Air Automatik)	Fire Size	
	Heat output (MW)	Perimeter of fire (m)
Pejabat	1.5	12
Hotel (Bilik Tetamu)	0.5	6
Hotel (Kawasan Awam)	2.5	12
Pendudukan bagi tempat perhimpunan dengan tempat duduk tetap	2.5	12
Gudang	10	18
<i>Basement service area</i> <i>(Lorry Parks)</i>	7	15
Tempat Letak Kereta	1.5	13.5

Jadual 2.0 – Penentuan fire size.

(b) PKFSE boleh juga menetapkan fire size yang tidak dinyatakan hendaklah merujuk kepada standard atau piawaian yang dibenar gunapakai.

(2) Perolakan haba dan sinaran (Radiation and Temperature)

(a) Perolakan haba adalah pemindahan haba melalui cecair (cecair atau gas) yang disebabkan oleh pergerakan molekul.

(b) Sinaran adalah tenaga yang dipancarkan atau dipancarkan dalam bentuk sinar atau gelombang atau zarah.

Kriteria	Keterangan
Perolakan haba	Suhu $<60^{\circ}\text{C}$ (masa toleransi lebih daripada 30 minit)
Sinaran	Kuasa $<2.5\text{kW}$ (masa toleransi lebih daripada 5 minit)

Jadual 3.0 – Perolakan haba dan sinaran menurut BS 7974.

(3) Penglihatan (Visibility)

Penglihatan (visibility) bagi kriteria FSE ini adalah bermaksud keadaan dapat melihat atau dilihat di dalam suatu ruang yang dipenuhi asap (ketika kebakaran berlaku).

Kriteria	Keterangan
Penglihatan (Visibility)	Tidak kurang dari 10 meter (ruangan besar)

Jadual 4.0 – Penglihatan (visibility) menurut BS 7974.

(4) Ketoksikan (Toxicity)

(a) Ketoksikan (toxicity) bagi kriteria FSE ini adalah bermaksud tahap ketoksikan sesuatu bahan kimia atau campuran bahan tertentu yang boleh memudaratkan penghuni bangunan atau anggota Bomba ketika kebakaran.

<i>Category</i>	<i>Maximum asphyxiant concentration as CO (ppm)</i>	
	<i>5 minutes exposure</i>	<i>30 minutes exposure</i>
<i>Fuel contains nitrogen (>2% by mass)</i>	800	125
<i>Fuel contains nitrogen (>2% by mass)</i>	1,200	275

Jadual 5.0 - Propose design tenability limit exposure concentration for asphyxiant gases expressed as carbon monoxide for 5 min and 30 min.

(5) Kelegaan Asap (Smoke Clearance)

(a) Kelegaan ketinggian minimum bagi lapisan asap adalah 2.50 meter dari lantai dan suhu maksimum lapisan atas pula adalah 200°C.

(6) ASET VS RSET

- (a) *Available Safe Egress Time* (ASET) adalah masa yang dihitung yang tersedia antara masa nyalaan (kebakaran) dan anggaran masa di mana keadaan menjadi tidak selamat.
- (b) *Required Safe Egress Time* (RSET) masa yang dihitung yang tersedia antara masa nyalaan (kebakaran) dan waktu di mana penghuni dapat sampai ke tempat yang selamat.
- (c) Pengiraan bagi *normal study* adalah ASET > 2 RSET. Manakala pengiraan bagi *sensitivity study* pula adalah ASET > RSET.

$$\text{Safety factor} = \frac{\text{ASET}}{\text{RSET}}$$

- (d) *Normal study* adalah kajian yang mengambilkira semua sistem kebakaran keselamatan berfungsi dengan baik apabila berlakunya kebakaran.
- (e) *Sensitivity Study* adalah kajian yang mengambilkira salah satu pepasangan kebakaran keselamatan tidak berfungsi dengan baik apabila berlakunya kebakaran. Kajian bagi *sensitivity study* hendaklah sekurang-kurangnya merangkumi sistem pasif dan aktif (dengan kadar kegagalan 50%). Kajian juga hendaklah berdasarkan kegunaan dan pendudukan premis.

KAEDAH PERMOHONAN PENGGUNAAN APLIKASI PBA

43. Mana-mana permohonan bagi aplikasi PBA bolehlah dikemukakan kepada JBPM melalui dua (2) kaedah seperti berikut:

- (1) Setelah pelan bangunan diperakukan oleh JBPM berdasarkan undang-undang preskriptif; atau
- (2) Mengemukakan permohonan aplikasi PBA tanpa sebarang kelulusan preskriptif dengan syarat seperti berikut:
 - (a) Telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang (KM) dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT); dan
 - (b) Pelan bangunan yang dikemukakan adalah pelan muktamad bagi tujuan permohonan aplikasi PBA dengan pengesahan bertulis dari pihak PSP.

APLIKASI FIRE SAFETY DESIGN PHILOSOPHY (FSDP)

44. *Fire Safety Design Philosophy (FSDP)* adalah kajian dan analisis terhadap keperluan keselamatan kebakaran bagi sesuatu cadangan pembangunan yang berisiko tinggi / berbahaya seperti loji penapisan petroleum, tangki penyimpanan petroleum, pemprosesan bahan kimia berbahaya, struktur khas dan lain-lain yang ditetapkan oleh JBPM. Ia adalah berdasarkan undang-undang kecil 236 dan Jadual 10 (Kilang Nota:2), Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.

45. Manfaat aplikasi FSDP adalah seperti berikut:

- (1) Menyediakan kerangka struktur untuk menilai interaksi antara bangunan, orang dan kebakaran; dan
- (2) Membantu membangunkan alternatif kepada undang-undang preskriptif dan menilai kesan kajian; dan
- (3) Menyediakan penilaian kepada objektif keselamatan kebakaran yang ditetapkan; dan
- (4) Memberi ruang kepada inovasi dan kreativiti tanpa menjaskas keselamatan kebakaran; dan
- (5) Mengenalpasti kehendak-kehendak FSDP bagi kajian selanjutnya.

46. Kajian FSDP hendaklah meliputi perkara seperti berikut termasuklah:

- (1) Mengenalpasti bahaya kebakaran; dan
- (2) Mengenalpasti risiko kebakaran; dan
- (3) Cadangan pepasangan keselamatan kebakaran yang bersesuaian berdasarkan kajian yang berkaitan seperti *Quantitative Risk Assessment (QRA)*, *Fire and Explosion Risk Assessment (FERA)* dan lain-lain.

47. Bagi sesuatu cadangan pembangunan yang tidak jelas berkaitan keperluan kajian FSDP, satu pembentangan pengenalan projek (project brief and overview) boleh dibentangkan kepada PKFSE bagi menilai keperluan kajian FSDP.

PEMBENTANGAN APLIKASI PBA ATAU FSDP

48. Permohonan aplikasi PBA atau FSDP bagi sesuatu cadangan pembangunan hendaklah dikemukakan oleh pihak PSP. Permohonan hendaklah disertakan bersama dengan perincian dan justifikasi lengkap.

49. Setelah menerima permohonan, Ketua Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran hendaklah menyemak permohonan dan menetapkan tarikh pembentangan. Permohonan yang tidak lengkap akan dikembalikan.

50. Suatu pembentangan PBA atau FSDP yang telah ditetapkan oleh PKFSE hendaklah dihadiri oleh:

- (1) *Principal Submitting Person (PSP)* / Arkitek; dan
- (2) *Submitting Person (SP)* / Jurutera M&E; dan
- (3) Pemunya Premis.

51. PKFSE boleh menetapkan keperluan bagi melantik *Peer Reviewer* bagi menyemak semula Laporan Laporan Kajian dan Analisis FSE yang disediakan oleh Firma FSE dan menyediakan Laporan *Peer Reviewer*. Laporan *Peer Reviewer* adalah diperlukan berdasarkan perkara berikut:

- (1) Melebihi satu (1) isu ketidakpatuhan seperti Perkara 40; atau
- (2) Terdapat kerumitan (complexity) dalam menentukan keperluan / kehendak keselamatan kebakaran pada projek yang dimohon.

TERHAD

52. Minit mesyuarat dan surat kelulusan akan dikeluarkan bagi setiap mesyuarat permohonan aplikasi PBA oleh urusetia. Sekiranya permohonan aplikasi PBA dipersetujui oleh PKFSE, surat kebenaran menggunakan aplikasi PBA perlu dikeluarkan seperti **Lampiran 7**.

LAPORAN KAJIAN DAN ANALISIS FSE

53. Laporan Kajian dan Analisis FSE adalah merujuk kepada Laporan PBA atau Laporan FSDP.

54. Laporan PBA hendaklah mengandungi perkara-perkara berikut:

- (1) *Qualitative Design Review (QDR)*
- (2) *Quantitative Analysis Report (QAR)*

55. Laporan, pembentangan serta kelulusan bagi QDR dan QAR adalah diproses secara berperingkat seperti **Lampiran 8**.

